

# Bangsa Melayu dan herba

Bukan saja sebagai sumber makanan,  
tetapi juga mengubati penyakit

## Warna Kehidupan

Oleh Tuan Nur Suhaila

Raja Muhammad

bhsastera@NSTP.com.my

**M**ASYARAKAT Melayu silam terkenal dengan kecenderungan pengambilan herba baik sebagai sumber makanan dalam masakan atau ulam-ulaman di samping sesetengahnya digunakan bagi mengubati penyakit.

Pegaga antara ulam-ulaman yang terkenal dalam masyarakat Melayu dimakan khususnya di kalangan pesakit darah tinggi dan kencing manis kerana khasiatnya pencuci darah dan di kalangan orang tua ia dimakan bersama-sama akarnya sekali.

Ada juga sesetengah memakan pegaga kerana ia dipercayai dapat membantu pengamalnya kelihatan awet muda, manakala daun kapal terbang pula digunakan bagi memberhentikan darah dari pada mengalir ketika seseorang mengalami luka kecil.

Tidak kurang herba digunakan bagi mengubati penyakit serius seperti hempedu bumi digunakan bagi mengubati kencing manis manakala sabung nyawa pula digunakan bagi mengatas masalah tekanan darah tinggi untuk mereka yang memilih berubat secara tradisional.

Pengetahuan mengenai khasiat lebih 3,000 jenis herba yang tumbuh di Malaysia dan diturunkan daripada satu generasi ke generasi berikutnya secara lisan, memungkinkan kelebihannya terus dipertahankan sehingga hari ini, meskipun mula melalui perubahan bentuk.

Hakikat herba mudah tumbuh dan diperoleh dengan sesetengahnya meliar di kawasan berhampiran kediaman khususnya penduduk kampung, menjadikan ia sebagai antara kaerah perubatan yang boleh diterima sehingga kini, selain kosnya rendah menyebabkan ia sebagai antara pilihan.

Tanpa menafikan masyarakat bandar kurang mengenalinya apalagi di kalangan generasi muda, tetapi kehadirannya dalam bentuk moden seperti kapsul, minuman segera, kordial dan serbuk yang boleh segera dibancuh,



**“Amalan menggunakan herba dalam masyarakat Melayu menarik pengkaji mendalami rahsia di sebaliknya dengan meninjau khasiat perubatan yang boleh diperoleh daripadanya dan dimanfaatkan dalam penghasilan ubatan moden”**


**Tajuddin  
Abdul Manap**  
Penolong Pegawai Pertanian,  
Institut Biosains, UPM

menjadikan ia mudah diterima.

Pensyarah Institut Sains Biologi, Universiti Malaya (UM), Prof Dr Ong Hean Chooi, melihat penerimaan herba dalam kehidupan masyarakat moden berpunca daripada kebiasaan dalam keluarga sehingga diwarisi generasi muda.

“Generasi sekarang mula menerima kehadiran herba dan mengiktiraf khasiatnya meskipun lebih cenderung memilih dalam bentuk siap diproses seperti kapsul kerana lebih mudah diambil dan senang didapati di pasaran,” katanya pada pertemuan dengan *Sastera* di pejabatnya, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Baginya, senario itu suatu perkembangan menggalakkan dalam perubatan tra-



**“Dalam masyarakat Cina, teh bunga dijadikan minuman bagi mengurangkan panas badan, manakala bangsa Melayu mengamalkan pengambil air rebusan barli. Kedua-duanya kini boleh diperoleh dalam bentuk kordial dan mudah diminum”**

**Prof Dr Ong  
Hean Chooi**  
Pensyarah Institut Sains  
Biologi, UM

disional dan membuktikan kemampuannya bergerak seiring dengan tuntutan zaman apalagi dakwaan khasiatnya disokong dengan kajian penyelidik dalam bidang terbabit.

“Jika selama ini seseorang yang memilih herba seperti akar kayu perlu merebusnya beberapa jam dan terpaksa menahan rasa pahit ketika meminumnya, tetapi kini hal ini tidak timbul kerana sudah boleh diperoleh dalam bentuk kapsul,” jelasnya.

Penolong Pegawai Pertanian, Institut Biosains, Universiti Putra Malaysia (UPM), Tajuddin Abdul Manap, berkata herba mempunyai banyak faedahnya dan Malaysia bertuah kerana memiliki ribuan pelbagai spesis yang tumbuh meliar kerana kedudukannya dalam

kawasan Khatulistiwa

“Hakikat ini menjadi kecemburuan penyelidik dari luar seperti Eropah yang terpaksa datang ke negara Khatulistiwa seperti Malaysia untuk mendapatkan contoh, sedangkan kita hanya perlu mengutipnya di luar rumah atau kebun,” katanya.

Tajudin melihat permintaan tinggi untuk herba pada masa ini kerana masyarakat mulai sedar akan khasiatnya dan yakin ekoran maklumat mengenainya mudah diperoleh daripada penyelidik, media massa, buku, ceramah dan seminar selain harganya berpatutan.

“Mungkin ramai tidak sedar bahawa amalan mandi wap di pusat kecantikan tradisional kerana yakin ia tidak mendatangkan muderat kepada manusia maupun haiwan,” ujarnya.

tumbuhan digunakan sebagai kaedah rawatan kecantikan dan kesihatan wanita. Bezanya ia siap diproses dan digunakan dalam bentuk pati maupun minyak,” ujarnya.

Beliau turut melihat penggunaan herba sebagai perubatan alternatif bagi merawat penyakit sebelum rawatan susulan diperoleh di hospital atau klinik dengan memberi contoh penggunaan getah batang keladi bagi merawat bisa sengatan ikan.

“Masyarakat Melayu tradisi menggunakan sepenuhnya herba di sekeliling mereka sebagai makanan kesihatan maupun ubat tradisional kerana yakin ia tidak mendatangkan muderat kepada manusia maupun haiwan,” ujarnya.